

# Sambut baik MyKad baru, harap lebih berkualiti

## Reaksi masyarakat terhadap langkah memperkenalkan MyKad baru mulai Januari

Oleh **NIK JASNI CHE JAAFAR**  
nikjasni.ub@gmail.com  
20/10/2011 A3 UB

**KOTA KINABALU:** Langkah kerajaan untuk memperkenalkan MyKad baru bermula Januari tahun hadapan mendapat reaksi positif masyarakat yang berpendapat sudah tiba masanya untuk rakyat negara ini memiliki dokumen pengenalan diri yang lebih berkualiti dan terjamin keselamatannya.

Bagi Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Zaiton Mohamad berkata pengenalan MyKad baru ini merupakan langkah terbaik oleh kerajaan dalam menangani masalah yang dihadapi kesan daripada kelemahan MyKad sedia ada ketika ini.

Tambahan pula, katanya, langkah itu pasti diambil selepas kajian terperinci dilakukan dalam memastikan MyKad baru lebih berkualiti dan menepati ciri-ciri keselamatan yang perlu ada pada dokumen pengenalan diri seseorang warganegara.

"Ciri-ciri keselamatan dan kualiti yang dipertingkatkan pada MyKad baru ini akan dapat meningkatkan keyakinan pemilik. Bagaimanapun, kita tidak dapat nafikan bahawa MyKad lama juga mempunyai ciri-ciri keselamatannya yang tersendiri, sesuai dengan fungsinya sebagai dokumen pengenalan diri.



**ZAITON**

"Apa yang orang ramai perlu faham, MyKad baru ini adalah hasil daripada inovasi dalam kajian pengeluaran cip dan ia adalah sesuatu yang amat baik dan harus mendapat sambutan dan sokongan semua pihak," katanya ketika dihubungi Utusan Borneo kelmarin.

Tambahnya, penggunaan bahan daripada 'polycarbonate' pula menjadikan MyKad baru lebih tahan lama dan menggunakan teknologi tulisan laser pada permukaan, juga dilengkapi perlindungan antisalinan bagi mengelakkan pemalsuan adalah ciri yang amat penting.

Tegas Zaiton, inisiatif itu amat sesuai dan mengikut peredaran semasa dan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan Malaysia dalam menjaga keselamatan negara.

Bagi Mhd Zair Andi Nursalam, 31, beliau amat bersetuju dengan penggunaan MyKad baru itu memandangkan MyKad sedia ada baginya kurang berkualiti.



**FAIZAL**

Baru sahaja memperbaharui MyKad yang lama kerana patah, beliau berkata paling penting kualiti gambar yang ada pada MyKad baru juga harus lebih jelas berbanding yang ada ketika ini.

Jelas Zair, MyKad sedia ada tidak mempunyai kualiti yang baik dari aspek penonjolan warna gambar yang disifatkannya seperti dicetak biasa.

"Saya juga minta pihak berkenaan menggunakan imej jata negara pada bahagian belakang MyKad sekarang dalam saiz yang lebih besar sebagai simbolik rasa bangga rakyat Malaysia memiliki dokumen pengenalan diri dengan status warganegara," katanya.

Sementara itu, Mohd Faizal Mohd Noor, 28, berpendapat usaha mempromosikan fungsi dan penggunaan MyKad dalam urusan berkaitan harus dipertingkat.

Katanya, MyKad baru tidak seharusnya menerima nasib yang sama seperti MyKad yang sedia ada kerana masyarakat masih



**ZAIR**

belum mengetahui dan memahami fungsi lain MyKad mereka.

"Kalau kita lihat, MyKad boleh jadi kad ATM, boleh simpan pelbagai maklumat lain di dalamnya tetapi rata-rata masyarakat hanya tahu gunakan MyKad jika mahu sahkan status mereka sebagai warganegara.

"Sudah tiba masanya MyKad menjadi kad pintar yang sebenar. Dan saya berharap MyKad baru ini

benar-benar berkualiti dari aspek cip dan materialnya kerana cip pada MyKad sedia ada adalah mudah rosak," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammudin Tun Hussein ketika mengumumkan perkara itu baru-baru ini berkata, MyKad baru itu akan menampilkan ciri-ciri keselamatan dan kualiti dipertingkatkan.

Katanya, MyKad baru itu akan dapat menangani isu pemalsuan MyKad serta masalah berkaitan kualiti dan ketahanannya terutama berkaitan kualiti cip yang sering diperkatakan.

Jelasnya, MyKad baru bermula Januari depan itu diperbuat daripada 'polycarbonate' yang lebih tahan serta mengaplikasikan teknologi tulisan laser pada permukaan kad.

Cipnya pula, kata Hishammudin, telah diuji ketahanannya oleh Sirim dan makmal semikonduktor yang diiktiraf.